

PAS DI NEGERI JOHOR 2004-2018: PRESTASI, ISU DAN CABARAN

MUHAMAD HELMY BIN SABTU

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan

Ijazah Doktor Falsafah

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



JANUARI 2023

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Rabb semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, contoh dan ikutan sepanjang zaman. Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, Tuhan yang menaungi segala kerajaan dan kekuasaan, Tuhan yang memiliki seluruh ilmu dan kebijaksanaan, Tuhan yang mengurniakan ilham dan kekuatan, kerana dengan keizinan-Nya jua penyelidikan ini berjaya diselesaikan.

Sungguh perjalanan ini benar-benar terasa panjang. Perjalanan ini banyak mengajar erti kerendahan hati serta memanusiakan. Kadangkala berasa lelah dan ingin mengalah di pertengahan jalan. Namun saya bersyukur kerana dikelilingi oleh insan-insan yang sentiasa menguatkan serta mendoakan. Saya tujukan penghargaan ini khusus kepada kedua ayahanda dan bonda yang tersayang, ‘Aisah binti A. Hamid serta Sabtu bin Biran di atas titipan doa, sokongan dan bantuan yang tidak putus-putus dari kalian. Moga Allah SWT berikan syurga sebagai ganjaran. Begitu juga buat adik-adik, Nur Amirah dan Muhamad Haziq, semoga kalian sentiasa sukses dalam kehidupan.

Jutaan apresiasi saya ucapkan pada penyelia kajian, Profesor Madya Dr. Khairul Azman bin Mohamad Suhaimy dan Dr. Shah Rul Anuar bin Nordin di atas segala tunjuk ajar, dorongan dan kesabaran yang ditunjukkan sepanjang proses penyeliaan. Begitu juga buat semua pensyarah dan guru di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, UKM, SMK Tun Ismail serta SK Pintas Puding di atas segala ilmu yang telah dicurahkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga pada pihak UTHM melalui Skim Tenaga Akademik Baru,

STAB dan Kementerian Pengajian Tinggi melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera, SLAB di atas penajaan yang telah diberikan.

Tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam kajian ini, terutamanya Badan Perhubungan PAS Negeri Johor melalui Ustaz Abdullah Husin dan Encik Ahmad Johari, Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor melalui Encik Asmuni Ahmad, badan penyelidikan Ilham Centre melalui Encik Mohd Jalaluddin, parti AMANAH melalui Saudara Hasbie Muda, kesemua informan utama yang sudi untuk ditemu bual serta barisan pakar bidang yang melakukan pengesahan. Jazakumullah khairan kathiran di atas kerjasama baik yang telah dihulurkan. Begitu juga buat rakan-rakan seperjuangan Nurul Aimi binti Razali serta GENERIC UTHM yang sentiasa memberi bantuan dan tauladan.

Akhirulkalam, semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca dan seluruh masyarakat di luar sana. Sesungguhnya yang baik dan berguna itu datang dari Allah SWT, manakala yang buruk dan lemah itu datang dari kekurangan diri saya sendiri. Semoga Allah SWT memberkati setiap bait perkataan yang telah dicurahkan. Insya-Allah.

Muhamad Helmy bin Sabtu
1 Ogos 2022M / 4 Muharam 1444H
Taman Manis, 86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

ABSTRAK

PAS merupakan sebuah parti politik yang berpengalaman luas dan berpengaruh di Malaysia. Namun begitu, kedudukan PAS di beberapa buah negeri termasuk Johor menunjukkan aliran yang tidak menentu. Meskipun telah bertapak di negeri Johor sejak tahun 1954, pencapaian PAS di negeri ini tidak begitu memberangsangkan. Selepas menunjukkan trend peningkatan yang konsisten pada PRU-12 dan PRU-13, prestasi PAS kembali merosot pada PRU-14. Berbanding parti-parti pembangkang yang berjaya menawan negeri Johor pada PRU berkenaan, kedudukan PAS sebaliknya membimbangkan. Kajian ini dibangunkan dengan tiga objektif iaitu untuk menjelaskan prestasi PAS Johor pada PRU-11 hingga PRU-14, menghuraikan faktor yang mempengaruhi prestasi serta menganalisis pendekatan yang boleh dilakukan oleh PAS untuk mendepani cabaran di negeri Johor. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes jenis deskriptif. Data diperoleh melalui kaedah temu bual yang dijalankan bersama para informan utama dari lingkaran politik selain beberapa dokumen terpilih. Analisis dilakukan secara deskriptif dan tematik dengan dibantu oleh perisian *Atlas.ti*. Dapatkan kajian menunjukkan kedudukan PAS di negeri Johor bersifat marginal dan tentatif berikutan rintangan fungsional dan struktural. Penembusan PAS berdepan kesukaran disebabkan oleh beberapa faktor seperti percanggahan dengan identiti Johor, kegagalan ideologi dan pendekatan, perpecahan parti, kelemahan jentera dan akar umbi serta perubahan strategi politik yang tidak menguntungkan. Justeru, kajian menggariskan dua landasan utama yang perlu diberikan perhatian oleh PAS Johor iaitu melakukan penjenamaan semula imej parti Islam serta pemilihan rakan kerjasama yang strategik dan menguntungkan. Kelangsungan PAS di negeri ini secara keseluruhannya adalah bergantung pada kemampuan parti untuk beradaptasi dengan suasana sosiopolitik di negeri Johor.

ABSTRACT

PAS is a political party with an extensive experience and influence in Malaysia. However, the position of PAS in several states including Johor implies an uncertain trend. Despite having been established in the state of Johor since 1954, PAS's achievements in the state have not been very favourable. After showing a consistent upward trend in GE-12 and GE-13, PAS's performance declined again in GE-14. As compared to the opposition parties that successfully conquered the state of Johor in the GE, PAS's position is rather concerned. This study was established with three objectives namely to explain the performance of PAS Johor from GE-11 to GE-14, describe the factors that affect performance and analyse the approach that PAS can employ to deal with the challenges in the state of Johor. The study was conducted using a qualitative approach with a descriptive case study design. Data was obtained through interviews conducted with key informants from political circle in addition to some selected documents. Analysis was carried out descriptively and thematically with the assistance of *Atlas.ti* software. The findings of the study illustrate that the position of PAS in the state of Johor is marginal and tentative due to functional and structural interferences. The penetration of PAS is facing difficulties due to several factors such as contradictions with Johor's identity, failure of ideology and approach, party divisions, weakness of machinery and grassroots as well as unfavourable changes in political strategy. Hence, the study lays out the two main domain that PAS Johor needs to pay attention to, which is to rejuvenate the image of the Islamic party together with the selection of strategic and profitable cooperation partners. The survival of PAS in this state as a whole depends on the party's ability to adapt to the socio-political landscape in the state of Johor.

KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	1
1.3 Permasalahan kajian	8
1.4 Persoalan kajian	12
1.5 Objektif kajian	12
1.6 Skop kajian	13
1.7 Signifikan kajian	14
1.8 Organisasi bab	15
1.9 Rumusan	16

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kerangka teoretikal: Demokrasi, parti politik dan pilihan raya	18
2.2.1 Epistemologi demokrasi dan pilihan raya	19
2.2.2 Teori parti politik	25
2.2.3 Konsep Islamisme	28
2.3 Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia	32
2.3.1 Demokrasi dan persaingan pilihan raya di Malaysia	33
2.3.2 PAS dalam arus politik Malaysia	35
2.4 Johor Darul Ta'zim sebagai penempatan kajian	38
2.4.1 Latar belakang sosioekonomi dan politik negeri Johor	39
2.4.2 Sejarah awal penubuhan PAS di Johor	43
2.5 Prestasi PAS dalam pilihan raya	46
2.5.1 Prestasi PAS dalam PRU-11 hingga PRU-14	46
2.5.2 Prestasi PAS dalam pilihan raya negeri Johor	52
2.6 Faktor yang mempengaruhi prestasi PAS	53
2.6.1 Faktor penentu prestasi PAS pada PRU-11 hingga PRU-14	54
2.6.2 Faktor penentu prestasi PAS Johor	63
2.7 PAS dan cabaran kelangsungan politik	64
2.7.1 PAS dan cabaran kelangsungan dalam politik Malaysia	65
2.7.2 PAS dan cabaran kelangsungan dalam politik Johor	72
2.8 Pembinaan dan pengaplikasian kerangka konseptual kajian	84
2.9 Rumusan	86
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	87
3.1 Pengenalan	87

3.2	Paradigma	87
3.3	Pendekatan	89
3.4	Reka bentuk	91
3.5	Metode pengumpulan data	92
3.5.1	Temu bual	93
3.5.2	Sumber dokumen	94
3.6	Pensampelan	96
3.6.1	Penentuan informan temu bual	97
3.6.2	Pemilihan sumber dokumen	100
3.7	Proses pengumpulan data	102
3.8	Proses analisis data	104
3.9	Kesahan dan kebolehpercayaan	107
3.10	Rumusan	112
BAB 4 HASIL DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN		113
4.1	Pengenalan	113
4.2	Prestasi PAS Johor dalam PRU-11 hingga PRU-14	113
4.2.1	PRU-11	114
4.2.1.1	Prestasi keseluruhan	114
4.2.1.2	Prestasi terperinci	115
4.2.1.3	Faktor kemenangan PAS	116
4.2.2	PRU-12	117
4.2.2.1	Prestasi keseluruhan	118
4.2.2.2	Prestasi terperinci	118
4.2.2.3	Faktor penerimaan PAS	120
4.2.3	PRU-13	122

4.2.3.1	Prestasi keseluruhan	122
4.2.3.2	Prestasi terperinci	123
4.2.3.3	Faktor penerimaan PAS	125
4.2.4	PRU-14	127
4.2.4.1	Prestasi keseluruhan	128
4.2.4.2	Prestasi terperinci	128
4.2.4.3	Faktor penolakan PAS	130
4.2.5	Trend keseluruhan prestasi PAS Johor	132
4.3	Faktor yang mempengaruhi prestasi PAS Johor	140
4.3.1	Identiti Johor	141
4.3.1.1	Tradisi Islam Johor	141
4.3.1.2	Peranan sultan	144
4.3.1.3	Keunikan masyarakat Johor	147
4.3.1.4	Johor: Darul UMNO	149
4.3.2	Ideologi dan pendekatan	152
4.3.2.1	Kegagalan ideologi Islam PAS	152
4.3.2.2	Perspektif luar terhadap pendekatan Islam PAS	155
4.3.3	Perpecahan PAS-AMANAH	158
4.3.3.1	Perpecahan parti dan implikasi terhadap PAS Johor	158
4.3.3.2	Kesesuaian pendekatan Islam AMANAH	161
4.3.4	Jentera dan akar umbi	164
4.3.4.1	Kelemahan jentera dan akar umbi PAS Johor	164
4.3.4.2	Isu pemimpin akar umbi PAS Johor	167
4.3.5	Strategi politik dan kempen	169
4.3.5.1	Kerjasama politik	169

4.3.5.2 Konsep Islam moderat	172
4.3.5.3 Naratif isu kelemahan UMNO	174
4.3.5.4 Konsep <i>khidmah</i> masyarakat	176
4.3.5.5 Penambahan ahli dan cawangan	179
4.4 Cabaran PAS Johor	181
4.4.1 Ideologi dan pendekatan	182
4.4.1.1 Islam sebagai penyelesaian	182
4.4.1.2 Menggalakkan intelektualisme	185
4.4.1.3 Dilema PAS: parti politik atau gerakan dakwah?	188
4.4.2 Sekutu politik: PAS di persimpangan	191
4.4.2.1 <i>Political mileage</i> melalui Muafakat Nasional	191
4.4.2.2 Kecenderungan bersama Perikatan Nasional	194
4.4.2.3 Terpencil namun terbukti: Kembali ke Pakatan Harapan	196
4.4.3 Kerelevan PAS Johor	198
4.4.3.1 Kebergantungan terhadap kerjasama politik	198
4.4.3.2 Penjenamaan semula imej parti Islam	202
4.5 Rangkuman dapatan kajian	204
4.6 Rumusan	207
BAB 5 PERBINCANGAN	208
5.1 Pengenalan	208
5.2 Prestasi PAS dalam pilihan raya Johor	208
5.2.1 PRU-11	209
5.2.2 PRU-12	211
5.2.3 PRU-13	213
5.2.4 PRU-14	215

5.3	Isu yang mempengaruhi prestasi pilihan raya PAS Johor	218
5.3.1	Identiti Johor	218
5.3.2	Polemik ideologi dan pendekatan	221
5.3.3	Perpecahan PAS-AMANAH	225
5.3.4	Jentera dan akar umbi	229
5.3.5	Strategi politik dan kempen	233
5.4	Cabaran kelangsungan PAS di negeri Johor	238
5.4.1	Resolusi ideologi dan pendekatan	238
5.4.2	Sekutu politik: PAS di persimpangan	243
5.4.3	Kerelevan PAS Johor	247
5.5	Rumusan	251
BAB 6 CADANGAN DAN KESIMPULAN		252
6.1	Pengenalan	252
6.2	Ringkasan bab	252
6.3	Implikasi dan sumbangan kajian	255
6.3.1	Akademik	256
6.3.2	Praktikal	258
6.4	Limitasi dan cadangan kajian lanjutan	260
6.4.1	Limitasi kajian	261
6.4.2	Cadangan kajian lanjutan	263
6.5	Kesimpulan: Epilog politik PAS Johor	265
BIBLIOGRAFI		269
LAMPIRAN		295
VITA		

SENARAI JADUAL

2.1	Prestasi keseluruhan PAS mengikut parlimen dan negeri, 2004-2018	51
3.1	Senarai informan yang ditemui bual	98
3.2	Senarai sumber dokumen	101
3.3	Pembangunan protokol pengekodan	106
3.4	Senarai pengesahan pakar	109
3.5	Ringkasan metodologi kajian	111
4.1	Perincian kawasan yang dimenangi PAS dalam PRU-12	119
4.2	Perincian kawasan yang dimenangi PAS dalam PRU-13	123
4.3	Perincian kawasan yang dimenangi PAS dalam PRU-14	129
4.4	Jumlah kerusi berpotensi dimenangi PAS, 2004-2018	135
4.5	Prestasi parti-parti politik di DUN Johor, 2004-2018	138
4.6	Pencapaian PAS di kerusi super majoriti Melayu pada PRU-13	138
4.7	Demografi kawasan yang dimenangi PAS Johor, 2004-2018	139
4.8	Peratusan undi popular PAS di kerusi DUN Johor, 2004-2018	199
6.1	Implikasi dan sumbangan kajian	259
6.2	Cadangan kajian lanjutan	264

SENARAI RAJAH

2.1	Peta kawasan pilihan raya bagi negeri Johor	41
2.2	Kerangka konseptual kajian kedudukan PAS Johor	85
4.1	Peratusan undi popular PAS Johor, 2004-2018	133
4.2	Kerusi DUN dimenangi PAS Johor, 2004-2018	136
4.3	Penguasaan PAS di DUN Johor pada PRU-13	137
4.4	Dapatan kajian kedudukan PAS di negeri Johor	206
5.1	Kerangka strategi relevansi PAS Johor	249
5.2	Kerangka Manhaj Johor	250

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

<i>1MDB</i>	- <i>1 Malaysia Development Berhad</i>
<i>ABIM</i>	- Angkatan Belia Islam Malaysia
<i>ADUN</i>	- Ahli Dewan Undangan Negeri
<i>AMANAH</i>	- Parti Amanah Negara
<i>APU</i>	- Angkatan Perpaduan Ummah
<i>AS</i>	- Amerika Syarikat
<i>AUKU</i>	- Akta Universiti dan Kolej Universiti
<i>BA</i>	- Barisan Alternatif
<i>BERSATU</i>	- Parti Pribumi Bersatu Malaysia
<i>DAP</i>	- <i>Democratic Action Party</i> (Parti Tindakan Demokratik)
<i>DHPP</i>	- Dewan Himpunan Penyokong PAS
<i>DUN</i>	- Dewan Undangan Negeri
<i>FELDA</i>	- <i>Federal and Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
<i>FJP</i>	- <i>Freedom and Justice Party</i> (Parti Kebebasan dan Keadilan)
<i>GS</i>	- Gagasan Sejahtera
<i>GST</i>	- <i>Goods and Services Tax</i> (Cukai Barang dan Perkhidmatan)
<i>IDEAS</i>	- <i>Institute for Democracy and Economic Affairs</i>
<i>ISA</i>	- <i>Internal Security Act</i> (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
<i>JAINJ</i>	- Jabatan Agama Islam Negeri Johor
<i>JAKIM</i>	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<i>KDNK</i>	- Keluaran Dalam Negara Kasar
<i>KPP</i>	- Kelab Penyokong PAS
<i>MAIJ</i>	- Majlis Agama Islam Negeri Johor
<i>MCA</i>	- <i>Malaysian Chinese Association</i> (Persatuan Cina Malaysia)
<i>MIC</i>	- <i>Malaysian Indian Congress</i> (Kongres India Malaysia)
<i>MN</i>	- Muafakat Nasional

<i>NU</i>	- Nahdlatul Ulama
<i>PAS</i>	- Parti Islam Se-Malaysia
<i>PBB</i>	- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
<i>PH</i>	- Pakatan Harapan
<i>PhD</i>	- Ijazah Doktor Falsafah
<i>PKP</i>	- Perintah Kawalan Pergerakan
<i>PKR</i>	- Parti Keadilan Rakyat
<i>PKS</i>	- Partai Keadilan Sejahtera
<i>PN</i>	- Perikatan Nasional
<i>PPUK</i>	- Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
<i>PR</i>	- Pakatan Rakyat
<i>PRK</i>	- Pilihan Raya Kecil
<i>PRU</i>	- Pilihan Raya Umum
<i>PTPTN</i>	- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara
<i>ROS</i>	- <i>The Registry of Societies Malaysia</i> (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)
<i>RUU</i>	- Rang Undang-undang
<i>S46</i>	- Parti Semangat 46
<i>SDG</i>	- <i>Sustainable Development Goals</i> (Matlamat Pembangunan Mampan)
<i>SOP</i>	- <i>Standard Operating Procedure</i> (Prosedur Operasi Standard)
<i>UMCEDEL</i>	- Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya
<i>UMNO</i>	- <i>United Malays National Organisation</i> (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
<i>UKM</i>	- Universiti Kebangsaan Malaysia
<i>UM</i>	- Universiti Malaya
<i>UPM</i>	- Universiti Putra Malaysia
<i>USM</i>	- Universiti Sains Malaysia
<i>UTHM</i>	- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A	Rumusan Keputusan yang diperoleh PAS dalam Pilihan Raya Umum 11 - 14 (Dewan Undangan Negeri)	295
B	Rumusan Keputusan yang diperoleh PAS dalam Pilihan Raya Umum 11 - 14 (Parlimen)	297



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memperkenalkan tentang kajian mengenai kedudukan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di negeri Johor. Bersandarkan kepada wacana mengenai demokrasi, parti politik dan pilihan raya, bahagian ini mewajarkan kedudukan PAS di negeri Johor dipilih untuk dikaji. Hal ini berikutan dari sejarah panjang prestasi malap PAS di Johor selain kemerosotan pencapaian parti berkenaan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang lalu. Perbincangan bertumpu kepada PAS Johor sebagai subjek utama kajian dengan menjadikan prestasi dalam pilihan raya, faktor penentuan prestasi serta cabaran yang dihadapi parti berkenaan di negeri Johor sebagai fokus kajian. Kajian ini penting bagi membolehkan PAS Johor tampil lebih dinamik dan berdaya saing pada pusingan pilihan raya yang akan datang. Turut dibincangkan adalah komponen-komponen penting yang memandu keseluruhan kajian.

1.2 Latar belakang

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Menurut sistem ini, pelaksanaan pilihan raya menjadi ukuran penting terhadap tahap demokrasi yang diperlakukan oleh sesebuah negara (Mohd Azmir & Afi, 2020). Menerusi sistem pilihan raya juga, legitimasi sesuatu pemerintahan ditentukan oleh rakyat yang bertindak memilih kerajaan yang akan memerintah untuk suatu tempoh yang tertentu (Almond & Powell, 2010). Kajian ini bertitik tolak dari pandangan E. E. Schattschneider (1942) yang menyatakan bahawa parti politik telah melahirkan demokrasi, sementara sistem demokrasi moden seperti yang diamalkan pada hari ini

tidak mungkin dapat berlangsung tanpa adanya parti politik. Pandangan ini juga disokong oleh sebahagian besar ahli teori parti politik yang rata-ratanya berpendirian bahawa kelemahan atau ketiadaan demokrasi dalam sesebuah negara adalah berpunca dari kelemahan atau ketiadaan parti politik (Stokes, 1999). Justeru, kedudukan parti politik lazimnya dianggap sebagai lebih tinggi kerana kewujudannya akan mendorong pengimplementasian sistem demokrasi yang lebih baik.

Sistem demokrasi yang baik menurut Azhar (2014) tidak seharusnya diukur melalui elemen prosedur seperti pilihan raya semata-mata. Sebaliknya, demokrasi tulen turut perlu disertai dengan kewujudan pemodenan dan pembangunan, kebebasan, pemeliharaan terhadap hak asasi manusia, perkembangan intelektual yang pesat, kemajuan ketamadunan, kepimpinan yang demokratik serta pertukaran parti pemerintah (Azhar, 2014; Kuru, 2021; Lipset, 1959; Zaini, 2019; Zawiyah & Mohammad Agus, 2015). Pematuhan terhadap kesemua kriteria berkenaan adalah bagi membolehkan paksi kuasa pemerintahan negara ditumpukan pada kepentingan golongan rakyat terbanyak yang merupakan teras utama dalam demokrasi (Bollen, 1981; Dahl, 2000). Justeru, pilihan raya yang diadakan perlu bersifat kompetitif di antara parti-parti politik yang bertanding untuk mewujudkan ruang demokrasi yang lebih terbuka (Schumpeter, 1947; Vanhanen, 2003). Di sini wujudnya keperluan parti politik untuk bertindak sebagai aktor dan pemain utama dalam sistem demokrasi di mana parti politik yang kuat akan mewujudkan praktis demokrasi yang lebih baik (Schattschneider, 1942; Stokes, 1999). Selari dengan doktrin tersebut, maka kajian ini berpendirian bahawa adalah penting dan utama bagi sesebuah parti politik untuk menjadi kuat dan kompetitif agar keluhuran sistem demokrasi dapat terus terpelihara.

Walau bagaimanapun, sistem demokrasi di Malaysia sering dibahaskan sebagai tidak sepenuhnya demokratik. Hal ini merujuk kepada beberapa sarjana terdahulu yang mengklasifikasikan Malaysia sebagai sebuah negara *semi-democracy* (Case, 1993), *quasi-democracy* (Zakaria, 1989) serta disifatkan sebagai *neither democratic nor authoritarian* (Crouch, 1996). Hal ini berikutan, Malaysia tidak pernah bertukar parti pemerintah untuk suatu tempoh yang lama iaitu sejak kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 2018. Situasi ini berbeza dengan negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang lebih matang seperti Amerika Syarikat mahupun Britain yang mana pertukaran parti pemerintah pada setiap penggal menerusi pilihan raya merupakan amalan kebiasaan. Sepanjang tempoh 61 tahun tersebut, Malaysia diperintah oleh gabungan parti-parti politik berasaskan konsep politik permuafakatan

dinamai Barisan Nasional (BN, sebelumnya Perikatan) dengan diterajui oleh *United Malays National Organisations* (UMNO) sebagai parti dominan.

Walaupun demikian, Malaysia telah mengadakan pilihan raya di peringkat Persekutuan dan negeri secara konsisten iaitu pada setiap tempoh lima tahun. Sepanjang 13 kali pusingan pilihan raya yang diadakan di negara ini sebelum tahun 2018, UMNO-BN kekal sebagai pemerintah di peringkat Persekutuan walaupun berlaku beberapa siri peralihan kuasa di peringkat negeri. Melihat kepada situasi ini, sarjana seperti Steven Levitsky dan Lucan Way (2010) cenderung mengungkapkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan authoritarianisme kompetitif di mana terdapat unsur-unsur penggabungan di antara ciri-ciri demokrasi dengan tadbir urus authoritarian. Manipulasi dilakukan terhadap kriteria rejim demokratik seperti pilihan raya yang bebas dan adil, hak untuk mengundi, hak-hak politik dan kebebasan sivil untuk tujuan kelangsungan rejim (Muhamad Takiyuddin & Sity, 2016). Melalui sistem ini, meskipun pilihan raya diadakan secara berkala namun dalam masa yang sama ianya turut terdedah dengan pelbagai eksploitasi yang dilakukan oleh parti pemerintah (Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018).

Namun begitu, ruang-ruang kepembangkangan tetap wujud serta berupaya untuk menggugat kedudukan pemerintah di Malaysia. Situasi ini boleh ditinjau melalui trend dan perkembangan persaingan pilihan raya di negara ini bermula PRU ke-10 (selepas ini ditulis PRU-10) sehingga kejatuhan mengejutkan UMNO-BN dalam PRU-14 yang lalu. Fenomena penghakisan sokongan terhadap UMNO-BN bermula tahun 1999 ini selanjutnya menyarankan bahawa Malaysia sedang menerima gelombang budaya politik baharu menggantikan amalan politik lama yang sekian lama mendominasi spektrum politik Malaysia. Hal ini bermaksud Malaysia secara perlahan-lahan mula meninggalkan politik berdasarkan nilai konservatif seperti perkauman, penaungan dan feudalisme kepada isu-isu yang lebih bersifat sejahtera seperti keadilan, ketelusan, tadbir urus yang baik serta kepentingan awam (Loh, 2009; Muhamad Takiyuddin & Sity, 2016). Seterusnya, parti-parti pembangkang mula menggerakkan usaha ke arah mewujudkan sistem dwiparti bagi memecahkan tradisi sistem satu parti dominan UMNO-BN di Malaysia (Muhamad Takiyuddin & Sity, 2016; Nor Faezah & Muhamad Nadzri, 2018).

Politik Malaysia di peringkat yang lebih mikro tidak kurang menariknya. Demokrasi, parti politik, dan pilihan raya di setiap negeri di Malaysia juga mempunyai dinamisme, aturan, keunikan dan interaksinya yang tersendiri. Berbanding kesemua

13 buah negeri dan tiga wilayah Persekutuan yang terdapat di Malaysia, negeri Johor merupakan antara negeri yang menarik untuk dikaji dalam konteks demokrasi dan persaingan pilihan raya di negara ini. Terkenal dengan jolokan kubu kuat UMNO, perkembangan mutakhir yang berlaku di negeri selatan tanah air ini mempunyai merit tertentu untuk di analisis. Francis E. Hutchinson (2018) menyenaraikan tiga faktor bagi menyokong hujah relevansi negeri Johor iaitu; (i) kelebihan ekonomi, (ii) saiz kerusi parlimen, dan (iii) negeri kelahiran UMNO.

Dari aspek ekonomi, Johor memiliki kepelbagaiannya industri termasuklah dalam sektor pembuatan, perkilangan, perladangan serta minyak dan gas. Selain merupakan antara pengeluar utama minyak sawit negara, Johor juga memiliki sejumlah besar kilang yang menghasilkan perabot, tekstil serta komponen elektrik dan elektronik (Hutchinson, 2018). Negeri ini juga merupakan hab tumpuan pembangunan ekonomi negara. Iskandar Malaysia contohnya, merupakan sebuah inisiatif pembangunan ekonomi berprofil tinggi negara yang telah dimulakan kerajaan sejak tahun 2006 lagi. Sehingga Jun 2020 sahaja, projek ini telah mencatatkan jumlah kumulatif pelaburan sebanyak RM332.11 bilion dalam pelbagai sektor termasuklah pembuatan, logistik, pelancongan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan (*Iskandar Regional Development Authority*, 2020). Selain itu, Johor turut memiliki *Pengerang Integrated Petroleum Complex* yang bernilai RM170 bilion. Kompleks berkeluasan 20,000 ekar ini menempatkan kilang minyak, kilang petrokimia serta kemudahan import dan regasifikasi gas cecair asli (*Johor Petroleum Development Corporation Berhad*, 2021). Kesemua ini menjadikan Johor sebagai merupakan antara penyumbang ekonomi terpenting kepada negara.

Dari aspek politik, Johor memiliki jumlah bilangan kerusi parlimen kedua tertinggi di Malaysia selepas negeri Sarawak. Terdapat 26 kawasan parlimen di negeri Johor iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Ledang, Bakri, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Batu Pahat, Simpang Renggam, Kluang, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai, Iskandar Puteri, Kulai, Pontian dan Tanjung Piai (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018). Jumlah ini adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan negeri Selangor yang hanya memiliki 22 kawasan parlimen walaupun negeri berkenaan adalah negeri yang memiliki jumlah penduduk terbesar di Malaysia, manakala Johor pula di tempat kedua. Disebabkan jumlah kerusi parlimen yang banyak, sudah tentu keputusan pilihan raya di negeri Johor akan memberi implikasi tertentu kepada kerajaan Pusat di Putrajaya.

Selain memiliki kelebihan dari sudut ekonomi dan politik, Johor juga merupakan negeri kelahiran UMNO yang mengetuai pentadbiran politik kerajaan Persekutuan sebelum tahun 2018. Sepanjang lebih enam dekad yang lalu, UMNO telah membina reputasi politik yang cemerlang di Johor. Terdapat beberapa fakta penting berkenaan hubungan UMNO dan negeri Johor. UMNO ditubuhkan di negeri Johor pada tahun 1946. Negeri ini juga telah melahirkan ramai tokoh pemimpin negara dan menteri-menteri kanan kabinet saban tahun (Hutchinson, 2018; Mohamed Nawab & Rashaad, 2018). Selain itu, Johor juga sering disebut sebagai kubu kuat dan simpanan tetap buat UMNO dan BN. Gandingan UMNO-BN bukan sahaja berjaya mengekalkan kuasa pemerintahan sepanjang hampir enam dekad, bahkan prestasi yang ditunjukkan dalam pilihan raya turut begitu memberangsangkan (Junaidi, 2020). Menariknya, ketika peralihan sokongan terhadap BN dilihat berlaku di peringkat Persekutuan dan beberapa negeri lain pada PRU tahun 1990, 1999 dan 2008, kedudukan UMNO-BN di negeri Johor tetap tidak terjejas (Hutchinson, 2020). Keunikan hubungan UMNO dan Johor ini dibahaskan oleh Hutchinson (2018) sebagai *Johor's exceptionalism*.

Ketiga-tiga faktor ini menjadi indikator penting bahawa politik Johor adalah signifikan untuk dikaji. Sebahagian sarjana berpandangan, keputusan pilihan raya bagi negeri Johor adalah cerminan kepada kerajaan yang memerintah di peringkat Pusat. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Junaidi (2020) bahawa parti-parti politik selain UMNO dan BN yang ingin menguasai Putrajaya perlu terlebih dahulu menawan negeri Johor. Senada dengan beliau adalah Hutchinson (2018) yang berpendapat bahawa kuasa BN di peringkat Persekutuan bakal terjejas sekiranya pemerintahan UMNO tumbang di negeri Johor. Pandangan ini mempunyai merit tersendiri terutama selepas UMNO-BN tumpas di tangan gabungan Pakatan Harapan (PH) di kedua-dua peringkat negeri dan Persekutuan pada PRU-14 sekali gus menjadikan persaingan elektoral di Johor kian dinamik (Junaidi, 2020; Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018; Muhamad Takiyuddin, 2018).

Dari sudut gerakan pembangkang, parti-parti lawan seperti *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut berdepan laluan sukar untuk menembusi tembok UMNO di Johor. Sepanjang 12 kali PRU diadakan sehingga tahun 2008, DAP umpamanya hanya pernah memenangi satu kerusi parlimen di Johor iaitu pada PRU tahun 1978 dan 2008, selebihnya disapu bersih oleh BN. Manakala di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), parti oposisi tidak pernah berjaya menang lebih 10 peratus dari jumlah kerusi yang dipertandingkan kecuali pada PRU tahun

1959, 1990 dan 2008. Pada tiga pilihan raya ini, parti oposisi hanya mampu memenangi empat hingga enam kerusi sahaja yang tidak melepas angka 15 peratus dari keseluruhan kerusi DUN Johor (Hutchinson, 2018). DAP bagaimanapun pada PRU-13 mula mencabar dominasi BN apabila menang 13 kerusi DUN dan empat kerusi Parlimen. Johor pada PRU tersebut mula menampakkan kesan berlakunya tsunami politik dan *urban swing* khususnya oleh pengundi Cina (Fernando, 2012; Thock & Tan, 2016) Sementara bagi PKR, parti tersebut hanya mula mencatatkan kemenangan dalam PRU-13 apabila menang satu kerusi masing-masing di kawasan parlimen Batu Pahat dan DUN Bukit Batu (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013).

Bagaimanapun bagi PAS, prestasi politik parti berkenaan sepanjang 14 kali pilihan raya diadakan agak membimbangkan walaupun usia pertapakannya telah lama di negeri Johor berbanding parti-parti oposisi yang lain. Selain penubuhan UMNO pada tahun 1946, PAS juga merupakan antara parti politik Melayu-Islam terawal yang bertapak di negeri Johor. PAS telah mula meletakkan calon dan bertanding dalam pilihan raya di negeri Johor sejak PRU pertama lagi. Namun, parti ini hanya mula mencatatkan kemenangan sulung dalam persaingan pilihan raya pada PRU tahun 2004. Kemenangan tersebut juga hanya kemenangan teknikal selepas PAS diumumkan menang tanpa bertanding. Pencapaian terbaik PAS di negeri Johor pula adalah pada PRU-13 di mana parti Islam berjaya memenangi empat kerusi DUN iaitu di kawasan Maharani, Sungai Abong, Parit Yaani dan Puteri Wangsa. Sementara di peringkat kawasan parlimen negeri Johor, PAS tidak pernah mencatatkan sebarang kemenangan sepanjang sejarah pilihan raya diadakan (Hutchinson, 2020; Mohd Hasbie, 2014; Wan Saiful, 2017).

Pencapaian PAS dalam PRU-14 kembali merudum apabila parti berkenaan hanya menang satu kerusi DUN Johor iaitu di Bukit Pasir. Kawasan ini memperlihatkan pertembungan dua penjuru antara PAS dan BN manakala pencalonan dari PH ditolak. Jumlah kemenangan PAS ini secara relatifnya jauh lebih rendah berbanding parti oposisi yang lain seperti DAP yang memenangi 14 kerusi, PKR menang di lima kerusi, Parti Amanah Negara (AMANAH) menang di sembilan kerusi, dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang menang lapan kerusi di DUN negeri Johor. Prestasi sama ditunjukkan oleh parti-parti berkenaan di peringkat parlimen iaitu DAP, PKR, AMANAH dan BERSATU masing-masing menang sebanyak lima, tujuh, satu dan lima kerusi, sementara PAS masih gagal memenangi sebarang kerusi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018). Dalam konteks penerimaan

pengundi terhadap parti berasaskan Melayu-Islam selain UMNO dalam PRU tersebut di negeri Johor, AMANAH dan BERSATU mempamerkan indikasi penerimaan yang lebih baik berbanding PAS walaupun usia kedua-dua parti ini jauh lebih muda.

Melihat pada pencapaian PAS dalam PRU-14 dalam konteks yang lebih besar, situasi yang dialami di negeri Johor ini mirip dengan yang berlaku di negeri Selangor. Di Selangor, PAS juga hanya berjaya mempertahankan satu kerusi DUN pada PRU-14 berbanding 15 kerusi yang dimenangi dalam PRU-13. Pada waktu yang sama, prestasi PAS juga secara relatifnya memaparkan peningkatan di empat negeri lain iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang. Di negeri Kedah dan Pahang umpamanya, PAS telah memberikan saingen yang hebat kepada PH dan BN. Sementara di Kelantan dan Terengganu, PAS telah menafikan PH apabila pakatan berkenaan gagal memenangi sebarang kerusi baik di peringkat parlimen mahupun DUN (Ahmad Fauzi, 2018; Junaidi, Nor Ellyanis & Muhammad Hazim, 2020; Muhamad Helmy & Muhamad Nadzri, 2018). Namun, situasi sebaliknya berlaku di negeri Johor apabila PAS hanya menduduki tempat ketiga dalam persaingan tiga penjuru menentang BN dan PH. Prestasi beberapa parti lain yang lebih muda seperti BERSATU dan termasuklah AMANAH juga jauh lebih baik dari PAS.

Keraguan juga timbul kerana PAS telah meletakkan jumlah pencalonan yang tinggi di negeri Johor pada PRU-14. Dari sudut jumlah kerusi yang dipertandingkan, PAS secara puratanya menunjukkan peningkatan pencalonan pada setiap pilihan raya bermula dari PRU pertama. Namun, PRU-14 menunjukkan angka pencalonan tertinggi dalam sejarah pilihan raya apabila PAS meletakkan 41 pencalonan di DUN negeri ini manakala 20 calon bertanding di peringkat parlimen. Melalui angka tersebut, boleh disimpulkan bahawa PAS mempunyai keyakinan yang tinggi bagi memperoleh kemenangan atau sekurang-kurangnya peningkatan kerusi yang dimenangi dalam PRU berkenaan. Namun, situasi sebaliknya berlaku apabila PAS menjadi parti terkecil di dalam DUN Johor. Situasi ini juga memberikan gambaran bahawa PAS berdepan penolakan di Johor. Bahkan jika ditelurusi dari sejarah prestasi PAS dalam pilihan raya di negeri Johor, parti berkenaan jelas berdepan dengan kesukaran untuk mendapat tempat di negeri selatan tanah air ini.

Berdasarkan situasi berkenaan, keupayaan dan kedudukan PAS di Johor dipersoalkan walaupun usia pertapakan parti Islam di negeri berkenaan telah mencapai lebih enam dekad. Sekiranya isu ini dibiarkan berterusan dan tidak diatasi, PAS dikhuatiri bakal terus berdepan dengan defisit sokongan dan tidak lagi relevan dalam

landskap politik Johor pada masa akan datang. Berdasarkan prestasi politik dan trend yang ditunjukkan ini, kedudukan dan kelangsungan PAS di negeri Johor wajar untuk dikaji secara lebih mendalam bagi membolehkan parti Islam ini tampil lebih dinamik dan berdaya saing di negeri Johor.

1.3 Permasalahan kajian

Permasalahan mengenai kedudukan PAS di negeri Johor boleh dianalisis dengan melihat kepada tiga isu utama iaitu; (i) Kesukaran PAS meluaskan pengaruh di negeri Johor, (ii) kesan perubahan ideologi dan pendekatan parti terhadap prestasi PAS di Johor serta (iii) keterbatasan akses politik PAS di negeri Johor.

Isu pertama yang berkaitan dengan kedudukan PAS di negeri Johor adalah kesukaran PAS meluaskan pengaruh di negeri Johor. Ketidakupayaan PAS ini disebutkan secara jelas oleh sarjana-sarjana yang mengkaji tentang politik Johor. Melalui kajian mereka, PAS disebutkan sebagai “...has always been small in Johor...” (Wan Saiful, 2017: 35), “...has not been able to make any significant electoral inroads in Johor...” (Hutchinson, 2018: 12), “...have struggled to make any inroad over the years...” (Mohamed Nawab & Rashaad, 2018: 369), “...never having a formidable presence in Johor...” (Lee & Chan, 2020: 26). Melalui kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa kelangsungan PAS di Johor berada di tahap yang perlu diberikan perhatian khusus. Kebenaran ini lebih kukuh apabila PAS tidak pernah menang sebarang kerusi dalam persaingan pilihan raya di Johor sepanjang tempoh 1959 hingga 1999. Kemenangan PAS pada 2004 pula adalah kemenangan secara teknikal berikutan PAS diisytihar menang tanpa bertanding. Peningkatan prestasi PAS PRU-12 dan PRU-13 juga tidak kekal lama apabila kembali merosot pada PRU-14.

PRU-14 seharusnya menjadi medan buat PAS bagi memperkuuhkan kedudukan mereka di negeri Johor dengan mengambil kira jumlah kerusi sedia ada yang dimiliki parti berkenaan sejak 2013. Namun demikian, perkara tersebut tidak berlaku apabila PAS bertindak mengubah haluan parti sebelum PRU-14 iaitu selepas PAS kembali memperjuangkan agenda hudud, mula mendekati UMNO serta meninggalkan satu demi satu rakan pembangkangnya dalam PR (Muhamad Helmy & Muhamad Nadzri, 2018; Muhamad Takiyuddin & Amalin, 2016; Syahidulamri, 2016; Wan Saiful, 2018). Di Johor, PH mengambil alih tumpuk pemerintahan kerajaan negeri

BIBLIOGRAFI

- 14th General Election Malaysia. (2018, 10 Mei). *The Star*.
<https://election.thestar.com.my>
- 50 chabang PAS di-Negeri Johor. (1960, 16 Februari). *Berita Harian*, p. 3.
- Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran. (2021). *Pilihan Raya Demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abbot, J. (2001). Vanquishing Banquo's Ghost: The Anwar Ibrahim Affair and Its Impact on Malaysian Politics. *Asian Studies Review*, 25(3), 285-308.
- Abdul Hadi Awang. (2021). *Islam dan Demokrasi*. Gombak: Pustaka Permata Ummah.
- Ahmad Boestamam. (1972). *Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2006). The UMNO-PAS Struggle: Analysis of PAS's Defeat in 2004. Dalam Saw S. H. & K. Kesavapany (Ed.). *Malaysia: Recent Trends and Challenges*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2011). A Critical Appraisal of Parti Islam Semalaysia's. *Media Syariah*, 13(1), 49-71.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2013). *Political Islam and Islamist Politics in Malaysia*. Singapore: ISEAS.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2018). The Islamist Factor in Malaysia's Fourteenth General Elections. *The Round Table*, DOI: 10.1080/00358533.2018.1545937.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Che Hamdan Che Mohd. Razali. (2015). The Changing Face of Political Islam in Malaysia in the Era of Najib Razak, 2009-2013. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 30(2), 301-337.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Mohamad Faizal Abd Matalib. (2021). Islam and the Environment: The Challenge of Developmental Politics in Malaysia with Special Reference to PAS's Rule in Kelantan. In Zawawi Ibrahim, G. Richards & V. T. King (Ed.). *Discourses, Agency and Identity in Malaysia: Critical Perspectives*. Singapore: Institute of Asian Studies and Springer.

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2014). Islamist Conservatism and The Demise of Islam Hadhari in Malaysia. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 25(2), 159-180.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Shaikh Abdullah Hassan Mydin. (2021). Islamic Da'wah in the Malay Peninsula: Contributions of the Sayyids of Early Times. *Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam*, 11(1), 46-70.
- Al-Azami, U. (2019). 'Abdullah bin Bayyah and the Arab Revolutions: Counter-revolutionary Neo-tradisionalism's Ideological Struggle against Islamism. *The Muslim World*, 109(3), 343-361.
- Aldrich, J. H. (1995). *Why Parties?* Chicago: University of Chicago Press.
- Almond, G. A. & Powell, G. B. J. (2010). *Comparative Politics Today: A World View*. New York: Longman.
- Almond, G. A. & Verba, S. (1989). *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. London: Sage.
- Amer Saifude Ghazali, Abu Hanifah Haris & Zulkarnain Abdul Rahman. (2018). The Practice of Asian Democracy in Kelantan State, Malaysia, 1959-2013. *Japanese Journal of Political Science*, 19(2), 105-121.
- Andre, A. & Depauw, S. (2016). The Electoral Impact of Grassroots Activity in The 2012 Local Elections in Flanders. *Acta Politica*, 51(2), 131-152.
- Ariff Aizuddin Azlan. (2019). Pulau Pinang: Kestabilan Status Quo. Dalam Zulkarnain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Ed.). *Pilihan Raya Umum Ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Atkinson, P. & Silverman, D. (1997). Kundera's immortality: The interview society and the invention of the self. *Qualitative Inquiry*, 3(3), 304-325.
- Awang Azman Awang Pawi & Suffian Mansor. (2019). Politik Bumiputera: Analisis Kekalahan Kerusi Parlimen BN Sarawak. Dalam Zulkarnain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Ed.). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azhar Ibrahim. (2014). *Contemporary Islamic Discourse in the Malay-Indonesian World: Critical Perspectives*. Petaling Jaya: SIRD.
- Azmil Tayeb. (2018). Green Waves of Change In The East Coast: PAS and Anti-UMNO Backlash in Kelantan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 232-250.

- Badan Perhubungan PAS Negeri Johor. (2022). Maklumat Organisasi PAS Johor.
- Badlihisham Mohd Nasir & Napisah Karimah Ismail. (2011). Kepimpinan dan Kedudukan Ulama dalam Organisasi Parti Islam Se-Malaysia (PAS). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara* (pp. 116-123).
- Bagang, T. P. & Puyok, A. (2019). Sabah: The End of BN and Start of a New Order? In Hutchinson, F. & Lee Hwok Aun. *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?* Singapore: ISEAS.
- Barbu, Z. (1956). *Democracy and Dictatorship: Their Psychology and Pattern of Life*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Barnes, S. H. (1967). *Party Democracy: Politics in an Italian Socialist Federation*. New Haven: Yale University Press.
- Baxter, P. & Jack. S. (2008). Qualitative case study methodology: Study design and implementation for novice researches. *The Qualitaty Report*, 13(1), 544-559.
- Bayat, A. (2005). Islamism and Social Movement Theory. *Third World Quaterly*, 26(6), 891-908.
- Bazeley, P. (2013). *Qualitative Data Analysis: Practical Strategies*. Thousand Oaks: Sage.
- Becker, H. S. (1970). Field work evidence. In H. Becker (Ed.). *Sociological Work: Method and Substance*. New Brunswick: Transaction Books.
- Beetham, D. (2000). *Democracy and Human Rights*. Cambridge: Polity Press.
- Berkuasa di Johor? PAS mimpi -Sulaiman. (1962, 14 Oktober). *Berita Harian*, p. 5.
- Bernard, H. R. (2002). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches* (Ed. Ke-3). Walnut Creek, CA: Alta Mira Press.
- Birch. S. & Dennison, J. (2017). How Protest Voters Choose. *Party Politics*, 25(2), 110-125.
- Bogdan, R. & Biklen, S. K. (2006). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. 5th ed. Boston: Pearson.
- Bollen, K. A. (1981). The Dimension of Democracy: Further Issues in the Measurement and Effects of Political Democracy. *American Sociological Review*, 46(5), 651-659.
- Briggs, C. (1986). *Learning how to ask: A sociolinguistic appraisal of the role of the interview in social science research*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Brink, H.I.L (1993). Validity and reliability in qualitative research. *Curationis*, 16(2), 35-38.
- Brinkman, S. & Kvale, S. (2015). *InterViews: Learning The Craft of Qualitative Research Interviewing*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage.
- Brown, D. W. (2011). *A New Introduction to Islam: Edition 2*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Brown, N. J. (2013). *Islam and Politics in The New Egypt*. Washington: Carnegie Endowment for International Peace.
- Burgat, F. & Dowell, W. (1993). *The Islamist Movement in North Africa*. Austin: University of Texas Press.
- Butler, D., Penniman, H. R. & Ranney, A. (1981). Introduction: Democratic and Nondemocratic Elections. In D. Butler, H. R. Penniman & A. Ranney (Ed.). *Democracy at Polls: A Comparative Study of Competition National Elections*. Washington & London: American Enterprise Institute for Public Policy Research.
- Case, W. (1993). Semi-democracy in Malaysia: Withstanding the Pressures for Regime Change. *Pacific Affairs*, 66(2), 83-205.
- Case, W. (2001). Malaysia's Resilient Pseudodemocracy. *Journal of Democracy*, 12(1), 43-57.
- Case, W. (2005). Southeast Asia's Hybrid Regimes: When do Voters Change Them. *Journal of East Asian Studies*, 5(2), 215-237.
- Case, W. (2009). Low-Quality Democracy and Varied Authoritarianism: Elites and Regimes in Southeast Asia Today. *The Pacific Review*, 22(3), 255-269.
- Case, W. (2013). Post GE-13: Any Closer to Ethnic Harmony and Democratic Change? *The Round Table*, 102(6), 511-519.
- Case, W. & Liew Chin Tong (2006). How Committed Is PAS to Democracy and How Do We Know It? *Contemporary Southeast Asia*, 28(3), 385-406.
- Cerney, P. G. (1999). Globalization and the Erosion of Democracy. *European Journal of Political Research*, 36(1), 1-26.
- Chambers, W. N. (1967). Party Development and the American Mainstream. Dalam Chambers, W. N. & Burnham, W. D. (Ed.). *The American Party Systems*. New York: Oxford University Press.

- Chang-Da, W. & Weerasena, B. (2018). *Educity, Johor: A Promising Project With Multiple Challenges to Overcome*. Trends in Southeast Asia no. 4. Singapore: ISEAS.
- Chin, J. (2016). Malaysia: Heading for Syariah Domination? *The Round Table*, 105(6), 737-739.
- Chin, J. (2018). Sabah and Sarawak in The 14th General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 173-192.
- Chin, J. (2020). Malaysia: The 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy. *The Round Table*, 109(3), 288-297.
- Chita2 PAS menyebar dasar Islam. (1959, 3 September). *Berita Harian*, p. 4.
- Choksy, C. E. B. & Choksy, J. K. (2015). The Saudi Conenction: Wahhabism and Global Jihad. *World Affairs*, 178(1), 23-34.
- Chong, T., Lee Hock Guan, Norshahril Saat & Serina Rahman (2017). *The 2017 Johor Survey: Selected Findings*. Trends in Southeast Asia no. 20. Singapore: ISEAS.
- Christiano, T. (2008). *The Constitution of Equality: Democratic Authority and Its Limit*. Oxford: Oxford University Press.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Coleman, J. S. & Fararo, T. J. (1992). *Rational Choice Theory*. Nueva York: Sage.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among the Five Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. 5th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. & Miller, D. L. (2000). Determining validity in qualitative inquiry. *Theory Into Practice*, 39(3), 124-130.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks: Sage.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Dahl, R. A. (1971). *Polyarchy*. New Haven: Yale University Press.
- Dahl, R. A. (2000). *On Democracy*. New Heaven: Yale University Press.
- Davidson, F. (1996). *Principles of Stastistical Data Handling*. Thousand Oaks: Sage.
- Downs, A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper.

- Dunne, B., Pettigrew, J. & Robinson, K. (2016). Using historical documentary methods to explore the history of occupational therapy. *British Journal of Occupational Therapy*, 79(6), 376-384.
- Dziyaul Afnan Abdul Rahman. (2019, 2 Julai). Jangan salah guna hadis Nabi untuk kepentingan politik. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/580303/jangan-salah-guna-hadis-nabi-untuk-kepentingan-politik>
- Dzulkefly Ahmad. (2016). Membangun Pemikiran Dinamis Generasi Kedua Politikal Islam. Dalam Maszlee Malik & Zulkifli Hasan (Ed.). *Generasi Kedua Politikal Islam: Wacana Baru Gerakan Islam Jilid 1*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Emmerson, D. K. (1995). Singapore and the Asian Values Debate. *Journal of Democracy*, 6(4), 95-105.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- Epstein, L. D. (1980). *Political Parties in Western Democracies*. New Brunswick: Transaction Books.
- Esposito, J. L. (1996). *Islam and Democracy*. New York: Oxford University Press.
- Esposito, J. L. (1998). Religion and Political Affairs: Political Challenges. *SAIS Review: A Journal for International Affairs*, 18(2), 19-24.
- Etikan, I., Musa, S. A. & Alkassim, R.S. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4.
- Farish A. Noor. (2004). *Islam Embedded: The Historical Development of The PanMalaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*. Kuala Lumpur: MSRI.
- Farish A. Noor. (2016). *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Farrell, D. & Webb, P. (2000). Political Parties as Campaign Organizations. Dalam R. J. Dalton & M. P. Wattenberg (Ed.). *Parties Without Partisans: Political Change in Advance Industrial Democracies*. Oxford: Oxford University Press.
